

04 SEP 1997

Mahathir-Umno

DR MAHATHIR HARAP PERHIMPUNAN AGUNG UMNO JELASKAN PERKARA MEMBINGUNGKAN

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perhimpunan Agung Umno yang bermula esok diharap dapat menjelaskan perkara-perkara yang "membangunkan" dan yang perlu difahami anggota seperti soal agama, peranan mufti, rasuah dan tindakan keras yang diambil dalam parti sendiri.

Presiden Umno itu berkata ini penting supaya ia dapat menyumbang kepada pembentukan Umno sebagai satu badan politik yang kukuh dan mampu menangani masalah akan datang.

Pada wawancara khas dengan RTM malam ini menjelang perhimpunan agung selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra itu, beliau sekali lagi menjelaskan bahawa kerajaan dan parti tidak menolak mufti, tetapi tindakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang tidak terlatih dalam pentadbiran agama Islam.

Dr Mahathir berkata perjumpaan antara beliau dan para mufti Selesa lepas dapat menerangkan dasar kerajaan berhubung pelaksanaan ajaran Islam sementara mufti pula dapat menerangkan masalah mereka.

"Kita puas hati penjelasan mereka yang sebenarnya tidak sengaja menimbulkan masalah dan kekeliruan orang Islam. Selain itu mereka (mufti) kini faham apakah dasar kerajaan dan perubahan yang perlu dibuat supaya jabatan mufti itu diperbaiki dan menjadi lebih berkesan," katanya.

Mengenai agama Islam, Dr Mahathir berkata Umno perlu memainkan peranan kerana adanya kejadian tertentu membabitkan parti politik yang mempergunakan agama Islam hingga orang ramai keliru terhadap agama itu.

"Kita perlu memperbetulkan keadaan ini sebab tekanan daripada pihak lain sudah meningkat ke tahap yang jika dibiarkan akan melarat," katanya.

Mengenai demokrasi, katanya, demokrasi yang dikehendaki di negara ini ialah yang mengutamakan hak rakyat memilih kerajaan dan jika kerajaan tidak tunaikan janji dan membawa pembangunan, rakyat ada hak menukarnya.

Bagaimanapun, katanya, rakyat berhak memilih atau mengekalkan orang dan kerajaan yang sama jika berpendapat kerajaan berkenaan layak menunaikan janji.

"Di barat kalau tak tukar kerajaan ia tak demokrasi," katanya dan menambah kata demokrasi ada banyak tafsiran dan demokrasi ala barat tidak sesuai dengan keadaan di negara ini kerana demokrasi di barat memberi kebebasan kepada individu hingga individu mengamalkan kebebasan hingga hak majoriti terjejas.

Mengenai rasuah, Perdana Menteri berkata kerajaan dan parti secara umum ingin mencegah kegiatan itu tetapi tidak boleh sewenang-wenangnya menuduh atau menamakan seseorang kerana ia boleh menjejaskan imej orang itu.

Katanya, selagi pihak bertanggungjawab seperti Badan Pencegah Rasuah tidak membuat siasatan dan menentukan kesahihan maka tidak patut tuduhan dilemparkan terhadap orang berkenaan.

Mengenai surat layang yang ditujukan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Presiden parti baru-baru ini, Dr Mahathir berkata ia satu rancangan buruk untuk menjatuhkan Anwar.

Bila ditanya adakah surat layang itu perbuatan orang tertentu yang mahu menyuarakan perasaan tidak puas hati, beliau berkata: "Sesiapa sahaja berhak menyuarakan pendapat secara bebas dan tindakan tidak akan diambil.

Tetapi, katanya, surat layang itu bertujuan menjatuhkan Anwar dan ia tidak dibuat oleh ramai tetapi golongan kecil dan orang yang sama terlibat berkali-kali.

"Dia gunakan kedudukan memburukkan orang lain mungkin untuk kepentingan diri," katanya.

Bila ditanya tidak adakah cara menghentikan kegiatan surat layang itu, Dr Mahathir berkata: "Surat layang itu ditumpukan kepada Anwar kerana pada pendapat ramai dia sudah ditentukan ganti saya, kalau ada orang lain berminat kena jatuhkannya dulu."

Bila dikemukakan bahawa anggota parti mungkin masih bertanya siapakah pengganti beliau, Dr Mahathir menjawab: "Saya jelaskan yang timbalan saya ialah Anwar dan bila saya berhenti dia akan ganti saya."

Mengenai cabaran dan perjuangan masa depan Umno, Perdana Menteri berkata cabaran Umno ialah untuk menaikkan ekonomi kaum bumiputera.

"Kalau Umno kekal kepada satu jenis perjuangan bagi membangunkan semangat orang Melayu, ia tidak akan beri kejayaan dari segi ekonomi kerana dalam ekonomi kita perlu tahu pengurusan dan bila hadapi cabaran kita bentuk pendekatan sesuai dengan cabaran itu," katanya.

-- BERNAMA

ARA AHH